



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH**  
**Dokumen Penjajaran Kurikulum**  
**Tahun 2020**

**ASAS SAINS KOMPUTER**  
**TINGKATAN 2**

## KATA PENGANTAR



Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diwajibkan bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan akibat penularan koronavirus (COVID-19). Arahan PKP telah membawa normal baharu dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara maya. Dapatan daripada beberapa tinjauan melalui media cetak dan elektronik menunjukkan bahawa PdP secara maya semasa tempoh PKP, tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan bersistematik. Implikasinya, wujud jurang pembelajaran antara murid. Hal demikian turut menjejaskan penguasaan kandungan, kemahiran dan nilai asas yang diperlukan oleh murid bagi meneruskan pembelajaran ke peringkat seterusnya. Oleh itu, penjajaran kurikulum ini merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan kelangsungan pembelajaran murid berlaku.

Kurikulum yang diwajibkan ini bukanlah kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM. Kandungan DSKP tersebut dibahagikan kepada Kandungan Asas, Kandungan Tambahan dan Kandungan Pelengkap.

Penjajaran kandungan kurikulum ini bertujuan memberi penekanan terhadap kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala kandungan tambahan dan kandungan pelengkap berperanan menyokong keseluruhan pembelajaran bagi kandungan sesuatu mata pelajaran melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran. Pendekatan pembelajaran teradun yang menggabungkan teknik pengajaran bersemuka dan tidak bersemuka menggunakan medium yang sesuai mampu menghasilkan PdP yang lebih fleksibel tanpa mengabaikan hasil pembelajaran yang dihasratkan.

Harapan Kementerian Pendidikan Malaysia agar guru dapat memastikan kandungan DSKP disampaikan kepada murid seterusnya merealisasikan hasrat dan matlamat mata pelajaran KSSM. Kementerian Pendidikan Malaysia juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penjajaran kandungan DSKP KSSM bagi kegunaan tahun 2020.

**DATIN SRI HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID**

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tajuk	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
<b>Tajuk 2.0: Algoritma</b>	<p>SK 2.1 Pembangunan Algoritma</p> <p>SP 2.1.1 Menulis pseudokod dan melukis carta alir menggunakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) struktur kawalan pilihan bersarang dalam penyelesaian masalah</li> <li>ii) struktur kawalan ulangan (<i>for, while-do</i>) dalam penyelesaian masalah</li> </ul> <p>SP 2.1.2 Mengesan dan memperbaiki ralat daripada pseudokod dan carta alir dalam penyelesaian masalah.</p> <p>SP 2.1.3 Menyelesaikan masalah menggunakan pseudokod dan carta alir dengan menggabungkan pelbagai struktur kawalan.</p>	<p>SK 2.1 Pembangunan Algoritma</p> <p>Menghasilkan pseudokod dan carta alir untuk menyelesaikan masalah yang melibatkan struktur kawalan.</p>	<p>SK 2.1 Pembangunan Algoritma</p> <p>Menggabungkan pelbagai struktur kawalan untuk menyelesaikan masalah dengan menggunakan pseudokod dan carta alir secara kreatif.</p>

Tajuk	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
<b>Tajuk 3.0: Kod Arah</b>	<p>SK 3.1 Persekitaran Kod Arah</p> <p>SP 3.1.1 Menggunakan jenis data (<i>integer, boolean, double, char</i> dan <i>string</i>) dalam kod segmen.</p> <p>SP 3.1.2 Membezakan antara pemboleh ubah dan pemalar dalam kod segmen.</p> <p>SP 3.1.3 Menghasilkan kod segmen menggunakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) fungsi input dan output</li> <li>ii) operator perbandingan</li> <li>iii) operator logik</li> </ul> <p>SP 3.1.4 Mengesan dan membaiki ralat pada kod segmen yang dihasilkan dalam penyelesaian masalah.</p> <p>SP 3.1.5 Menyelesaikan masalah yang melibatkan gabungan jenis data, pemboleh ubah, pemalar dan operator dalam kod segmen.</p>	<p>SK 3.1 Persekitaran Kod Arah</p> <p>Menulis kod segmen yang melibatkan penggunaan pelbagai jenis data, pemboleh ubah, pemalar dan operator.</p>	<p>SK 3.1 Persekitaran Kod Arah</p> <p>Menggabungkan jenis data, pemboleh ubah, pemalar dan operator dalam kod segmen untuk menyelesaikan masalah secara sistematik dan kreatif.</p>

Tajuk	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	<p>SK 3.2 Struktur Kod Arahkan</p> <p>SP 3.2.1 Menghasilkan atur cara yang melibatkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) struktur kawalan jujukan dalam penyelesaian masalah</li> <li>ii) struktur kawalan pilihan dalam penyelesaian masalah</li> <li>iii) struktur kawalan pilihan bersarang dalam penyelesaian masalah</li> <li>iv) struktur kawalan ulangan dalam penyelesaian masalah</li> </ul> <p>SP 3.2.2 Menguji atur cara dan membaiki ralat pada kod arahan yang dihasilkan.</p> <p>SP 3.2.3 Menghasilkan atur cara yang melibatkan gabungan pelbagai struktur kawalan.</p>	<p>SK 3.2 Struktur Kod Arahkan</p> <p>Membina atur cara yang melibatkan struktur kawalan untuk menyelesaikan masalah.</p>	<p>SK 3.2 Struktur Kod Arahkan</p> <p>Mencipta atur cara melibatkan gabungan pelbagai struktur kawalan untuk menyelesaikan masalah secara sistematik dan kreatif.</p>

**Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E  
62604 Putrajaya  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917**